

MAHATHIR

1978

ALOR SETAR, 9 JULAI (BERNAMA) - TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENINGATKAN PARA CALON BARISAN NASIONAL YANG MENANG DALAM PILIHANRAYA SUPAYA JANGAN MENYALAH GUNA KUASA TETAPI SEBALIKNYA HENDAKLAH BERKHIDMAT KEPADA RAKYAT DAN NEGARA.

BERUCAP DI HADAPAN LEBIH 2,000 ORANG AHLI DAN PENYOKONG BARISAN NASIONAL SETIBANYA DI LAPANGAN TERBANG KEPALA BATAS DEKAT SINI BELIAU BERKATA, MEREKA JANGANLAH MENYELEWENG DARI DASAR PARTI DAN HARUS INGAT TIDAK ADA TEMPAT BAGI MEREKA YANG BERSIKAP DEMIKIAN.

KATANYA, MEREKA YANG DIPILIH ITU HARUS JUGA INGAT TENTANG SOKONGAN DAN KERJASAMA YANG DIBERI OLEH RAKYAT KEPADA MEREKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MEREKA MESTI BERSIKAP LEBIH BERTERUS TERANG SERTA BERIKRAR UNTUK BERKHIDMAT KEPADA NEGARA DAN PARTI.

+PERJUANGAN KITA TIDAK BERERTI HABIS DI PERINGAT PIHANRAYA INI TETAPI HENDAKLAH DITERUSKAN HINGGA MENCAPAIKAN MATLAMAT YANG DITUJU+.

TENTANG KEMENANGAN DAP BELIAU BERKATA ISSU PERKAUMAN YANG DIMAINKAN OLEH PARTI ITU DALAM PILIHANRAYA TIDAKLAH BEGITU BERKESAN. — BERSAMBUNG 1820/1B

££

B579:

MAHATHIR - 2 ALOR SETAR

+TEAPI YANG BERKESAN SEKALI IALAH PERANAN DAP DALAM USAHANYA MEMECAH BELAH UNDI ORANG MELAYU DI MANA PARTI ITU MELETAKAN CALON MEREKA BERTANDING DI KAWASAN TERTENTU MENENTANG CALON BARISAN, + KATANYA.

KATANYA, CONTOH YANG NYATA SEKALI IALAH DI KAWASAN PARLIMEN DAMANSARA DI MANA CALON BARISAN NASIONAL ENCIK S. SUBRAMANIAM DITEWASKAN OLEH DAP KERANA PAS TELAH MEMECAH UNDI ORANG MELAYU.

DR. MAHATHIR BERKAT, PARTI-PARTI YANG MENGGUNAKAN ISSU SENTIMEN DAN EMOSI TIDAKMENDAPAT TEMPAT PILIHANRAYA LALU.

KATANYA, DENGAN ADANYA MANDAT BARU, KERAJAAN AKAN TERUS MENYAMBONG TUGASNYA DENGAN SIKAP JUJUR BAGI MENGADAKAN JENTERA PENTADBIRAN KERAJAAN YANG BERSIH UNTUK KEPENTINGAN RAKYAT.

TERDAHULU DARI ITU DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG BERJAYA MENGEKALKAN KERUSI PARLIMENNYA BAGI KAWASAN KUBANG PASU TELAH DISAMBU DENGAN MERIAH DAN HANGAT OLEH AHLI-AHLI DAN PENYOKONG BARISAN NASIONAL SETIBANYA DI LAPANGAN TERBANG ITU.

— BERSAMBUNG 1725/1B

MAHATHIR - 3 ALOR SETAR

HADIR SAMA MENYAMPU BELIAU IALAH CALON-CALON BARISAN YANG BARU MENANG TERMASUK DATUK SERI ABDUL RAHMAN, DATUK SYED NAHAR SHAHABUDDIN DAN DATUK SERI SYED AHJAD SHAHABUDDIN.

KEMUDIAN DATUK SERI DR. MAHATHIR DIUSONG OLEH PARA PENYOKONG BARISAN NASIONAL. - BERNAMA 1827/1B